

Kajian Pengguna Perpustakaan Universiti Malaya (PUM) 2019

PENGENALAN

Memenuhi kehendak pelanggan adalah satu keperluan dan peranan yang harus dijalankan bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan kepada mereka masih relevan. Ini kerana pelanggan yang tidak berpuas hati akan mengunjungi tempat lain bagi mengisi masa lapang mereka dan akibatnya, perpustakaan, masyarakat, bangsa, negeri dan negara kita sendiri yang akan mengalami kerugian (Kamarulzaman Mahmood, Nor Azman Mat Ali @ Salim, Mahadzirah Mohamad, 2015). Pelanggan dalam konteks di dalam Universiti Malaya pada masa kini adalah pelajar, staf bukan akademik, staf akademik dan penyelidik. Mereka ini yang akan memberi sumbangan dan impak yang besar kepada perkembangan semasa perpustakaan itu sendiri. Sehubungan itu, Perpustakaan perlu melaksanakan fungsinya sebagai pusat perkembangan ilmu sepertimana yang diharapkan oleh pelanggannya.

Menurut Kamarulzaman Mahmood, Nor Azman Mat Ali @ Salim, Mahadzirah Mohamad (2015), ketidakpuasaan hati pelanggan terhadap perkhidmatan perpustakaan menyebabkan mereka serik untuk berkunjung lagi. Jesteru itu, Mohd Noor Hasman B Mohd Tumari, Muhamad Azrul Hisam B Salleh (2016) turut menegaskan bahawa memenuhi kehendak pengguna adalah satu keperluan dan peranan yang harus dijalankan dan memastikan perkhidmatan perpustakaan masih relevan pada masa sekarang.

Zainan, N. H., M.Kasim, N. B., Zahir, K. M., Nik Azni, N. N. A. S., & Hassan, N. A. S. (2018) menyatakan hubungan positif di antara prestasi pelajar dan perkhidmatan perpustakaan amatlah penting bagi memastikan prestasi pelajar meningkat. Ini boleh dirumuskan bahawa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi prestasi pelajar. Nurulhuda Ramli, Chai Siew Fun, Fazli Idris (2009) pula membuat kajian terhadap hubungan antara kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan di sebuah perpustakaan institusi pengajian awam di Malaysia. Mereka merumuskan bahawa

prestasi perkhidmatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kepuasan pelanggan.

Asefeh Asemi, Zahra Kazempour, Hasan Ashrafi Riziln (2009) percaya bahawa untuk mengukur kepuasan pelanggan, perpustakaan perlu melakukan penilaian kepuasan pelanggan. Oleh itu, barulah perpustakaan boleh membuat perubahan yang memenuhi kehendak pelanggan.

Pelbagai pendekatan digunakan untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan dalam sesuatu perkhidmatan termasuklah perpustakaan. Salah satu pendekatan yang sering digunakan untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan di perpustakaan adalah LibQUAL. Pendekatan ini dibangunkan oleh Association of Research Libraries. Ia digunakan untuk mengukur kualiti perkhidmatan perpustakaan dan mewujudkan penilaian perkhidmatan dari perspektif pelanggan (Cook, Heath, Thompson et al. 2001). Oleh itu, kajian ini akan dijalankan berdasarkan kepada dimensi LibQUAL.

METODOLOGI

Kajian pengguna perpustakaan dijalankan untuk mengumpul maklumbalas pengguna UM terhadap pelbagai perkhidmatan / kemudahan yang ditawarkan. Kajian 2019 telah dijalankan, bermula 4 Disember 2019 – 13 Mac 2020 menerusi soal selidik dalam talian dan bercetak. Pendekatan yang diaplikasikan dalam kajian ini diadaptasi dari konsep ukuran kualiti perkhidmatan perpustakaan iaitu LibQUAL. Pengukuran LibQUAL yang dikaji adalah dari aspek dimensi kesan perkhidmatan (Affect of Service), kawalan informasi (Information Control) dan perpustakaan sebagai tempat (Library As Place). Soal selidik dalam talian diedarkan kepada setiap pelajar mahasiswa, pasca ijazah, para akademik dan staf Universiti Malaya yang mempunyai akaun emel Universiti Malaya dan soal selidik bercetak diedarkan kepada setiap pelajar yang mengunjungi Perpustakaan Utama dan juga Perpustakaan Khusus. Data yang diterima telah dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS versi 23.

Kajian ini terdiri daripada sembilan (9) bahagian dan disediakan dalam Bahasa Inggeris:

- A. Bahagian pertama terdiri daripada dua (2) soalan mengenai maklumat umum pengguna iaitu PTj dan Kategori Pengguna.
- B. Bahagian kedua hingga ke lapan terdiri daripada tiga puluh lima (35) soalan pelbagai pilihan. Tiga puluh satu (31) soalan mengenai tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan, staf dan ruang bacaan perpustakaan. Empat (4) soalan

diajukan mengenai kesedaran pengguna terhadap maklumat terkini perkhidmatan perpustakaan.

C. Penilaian pada tahun ini juga memberi peluang untuk responden memberi komen dan cadangan terbuka pada bahagian ke sembilan.

A. MAKLUMAT UMUM RESPONDEN

Bahagian A, responden diminta untuk mengisi maklumat umum seperti kategori dan pusat tanggungjawab (PTj) supaya maklumat asas responden dapat dikenalpasti. Sebanyak 1049 orang pengguna perpustakaan UM telah menjawab soal selidik kajian ini. Taburan mengikut kategori pengguna adalah seperti dalam jadual 1. Sebanyak 11% (120 orang) daripada jumlah responden terdiri dari mahasiswa dan 89% (929 orang) pascasiswazah.

Jadual 1:

Taburan Responden Mengikut Kategori Pengguna

Kategori Pengguna	Bil. responden	%
Mahasiswa	120	11%
Pascasiswazah	929	89%
Total	1049	100%

Responden yang terdiri daripada staf akademik (8 orang), staf bukan akademik (9 orang) dan lain-lain (5 orang) tidak dianalisa di dalam kajian ini kerana bilangan mereka dianggap sebagai tidak mewakili populasi kajian.

Jadual 2:

Taburan Responden mengikut Pusat Tanggungjawab (PTj)

Pusat Tanggungjawab	Bil. Responden	%
Fakulti Sains	258	24.6
Fakulti Kejuruteraan	173	16.5
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	155	14.8
Fakulti Alam Bina	99	9.4
Fakulti Perniagaan & Perakaunan	82	7.8
Pusat Sukan & Sains Ekseksis	52	5.0
Akademi Pengajian Islam	39	3.7
Fakulti Sastera & Sains Sosial	37	3.5
Fakulti Bahasa & Linguistik	34	3.2
Fakulti Farmasi	28	2.7
Fakulti Perubatan	22	2.1
Fakulti Ekonomi & Pentadbiran	20	1.9
Pusat Kebudayaan	17	1.6
Fakulti Pendidikan	16	1.5

Institut Pengajian Lanjutan	6	0.6
Institut Pengajian Melayu	3	0.3
Fakulti Pergigian	3	0.3
INPUMA	2	0.2
Institut Asia Eropah	1	0.1
Fakulti Undang-undang	1	0.1
UMCCED	1	0.1
Total	1049	100%

Taburan responden mengikut Pusat Tanggungjawab (PTj) ditunjukkan dalam Jadual 2. Bilangan responden yang paling tinggi adalah dari Fakulti Sains, seramai 258 orang (24.6%), diikuti dengan Fakulti Kejuruteraan, 173 orang (16.5%) dan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, 155 orang (14.8%).

A. PENEMUAN KAJIAN: TAHAP KEPUASAN PENGGUNA DAN TAHAP KESEDARAN PENGGUNA TERHADAP PERKHIDMATAN, STAF dan RUANG BACAAN PUM BERDASARKAN KEPADA TIGA DIMENSI LIBQUAL IAITU KESAN PERKHIDMATAN, KAWALAN INFORMASI DAN PERPUSTAKAAN SEBAGAI TEMPAT.

Soalan kajian ini adalah berdasarkan kepada tiga aspek konsep pengukuran kualiti perpustakaan "LibQUAL" iaitu, Kesan perkhidmatan, Kawalan informasi dan Perpustakaan sebagai tempat. Kebanyakan soalan yang dikemukakan dalam kajian ini merupakan komponen penting yang dipilih dari aspek perkhidmatan yang diberikan oleh staf, perkhidmatan "live-chat", sesi kemahiran maklumat, koleksi perpustakaan dan ruang bacaan perpustakaan. Maklumbalas pengguna boleh dijadikan petunjuk yang bermakna atas usaha baru perpustakaan pada masa akan datang.

Penilaian yang dibuat untuk mendapatkan maklumbalas tahap kepuasan pengguna adalah seperti berikut:

- Interaksi staf perpustakaan dengan pengguna
- Perkhidmatan "live-chat"
- Program latihan pengguna bagi Sesi Kemahiran Maklumat
- Koleksi sumber bacaan secara bercetak dan elektronik
- Ruang bacaan di Perpustakaan Utama & Perpustakaan Khusus

Bagi tujuan pelaporan frekuensi penggunaan strategi bagi soalan kajian, interpretasi Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina & Ahmed Thalal Hassan (2012) telah digunakan. Skor min antara 5.01 hingga 7.00 adalah dianggap tinggi, skor min di antara 3.01 hingga 5.00 adalah dianggap pertengahan dan sederhana,

manakala skor min 1.0 hingga 3.00 pula adalah dianggap rendah dalam penggunaan. Jadi untuk mengukur tahap kepuasan pengguna terhadap staf, perkhidmatan “live-chat”, sesi kemahiran maklumat, koleksi perpustakaan dan ruang bacaan perpustakaan, kajian ini mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pengarang di atas.

1. KESAN PERKHIDMATAN

1.1. Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap staf perpustakaan

Seksyen ini mengukur tahap kepuasan pengguna terhadap staf perpustakaan. Dalam seksyen ini, kajian mengutarakan 4 pertanyaan kepada responden berkenaan interaksi mereka dengan staf. Seksyen ini hanya dibuka kepada responden yang pernah berinteraksi dengan staf sahaja. Oleh itu responden terlebih dahulu ditanya samada mereka pernah atau tidak berinteraksi dengan staf.

Jadual 3 :

Interaksi pengguna dengan staf perpustakaan

Ya	505	48.1
Tidak	507	48.3
	1049	100.0

Responden yang pernah berinteraksi dengan staf diminta menjawab 4 soalan penilaian terhadap staf berdasarkan skala likert 7 poin iaitu skala 1 “Sangat tidak bersetuju” sehingga skala 7 “Sangat setuju”.

Jadual 4 :

Penilaian terhadap staf perpustakaan

Bil	Item	Skala							Min
		1	2	3	4	5	6	7	
1.	Staf Perpustakaan sentiasa sedia membantu	0.4%	0.3%	1.7%	5.9%	11.6%	17.4%	13.3%	5.64
		4	3	18	62	122	183	139	
2.	Staf Perpustakaan peramah	0.4%	0.5%	1.5%	6.5%	11.8%	15.8%	13.9%	5.62
		4	5	16	68	124	166	146	
3.	Staf Perpustakaan berpengetahuan untuk menjawab pertanyaan	0.3%	0.3%	1.3%	5.0%	12.3%	17.0%	14.2%	5.71
		3	3	14	52	129	178	149	
4.	Staf Perpustakaan mudah didekati	0.5%	0.6%	1.3%	5.2%	13.1%	16.1%	13.4%	5.63
		5	6	14	55	137	169	141	
Jumlah Min		5.64							

Jadual 4 menunjukkan penilaian terhadap tahap kepuasan interaksi pengguna dengan staf perpustakaan. Secara keseluruhannya, min bagi setiap item adalah tinggi dan purata ada 5.64 (>5.5). Ini menunjukkan responden sangat berpuas hati dengan staf perpustakaan.

1.2. Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan “live-chat”

Seksyen ini mengukur tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan “live-chat” yang disediakan oleh perpustakaan. Dalam seksyen ini, kajian mengutarakan 3 pertanyaan kepada responden berkenaan perkhidmatan “live-chat”.

Seksyen ini hanya dibuka kepada responden yang pernah menggunakan perkhidmatan “live-chat” sahaja. Oleh itu responden terlebih dahulu ditanya kekerapan mereka menggunakan perkhidmatan ini. Respondan yang tidak pernah menggunakan perkhidmatan ini dikehendaki mengabaikan seksyen ini.

Jadual 4 :

Komunikasi pengguna dengan Pustakawan melalui perkhidmatan “live-chat”

Selalu	10	1.0
Tidak pernah	803	76.5
Ada kalanya	127	12.1
Sering	15	1.4
Kadang-kadang	94	9.0
	1049	100.0

Jadual 5 :

Penilaian pengguna terhadap perkhidmatan “live-chat”

Bil	Item	Skala							Min
		1	2	3	4	5	6	7	
1.	Pustakawan mengendalikan “live-chat” cekap menyelesaikan masalah saya	0.2%	0.6%	1.3%	5.3%	6.0%	5.4%	4.5%	5.17
		2	6	14	56	63	57	47	
2.	Pustakawan mengendalikan “live-chat” menjawab pertanyaan saya dengan segera	0.2%	0.4%	1.9%	5.0%	6.0%	5.4%	4.6%	5.17
		2	4	20	52	63	57	48	
3.		0.1%	0.2%	1.7%	4.1%	6.6%	5.8%	4.9%	5.30

Pustakawan mengendalikan "live-chat" berpengetahuan semasa menjawab pertanyaan	1	2	18	43	69	61	51
Jumlah	5.21						

Jadual 5 memaparkan tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan "live-chat". Secara keseluruhannya, min bagi setiap item adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa semua responden bersetuju bahawa Pustakawan yang mengendalikan "live-chat" cekap menyelesaikan masalah, menjawab pertanyaan dengan segera dan berpengetahuan semasa menjawab pertanyaan. Keseluruhan skor min bagi kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan "live chat" adalah 5.21.

1.3. Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap program latihan pengguna Sesi Kemahiran Maklumat

Seksyen ini mengukur tahap kepuasan pengguna terhadap program latihan pengguna Sesi Kemahiran Maklumat. Dalam seksyen ini, kajian mengutarakan 4 pertanyaan kepada responden berkenaan program latihan pengguna ini. Seksyen ini hanya perlu dijawab oleh pelajar pasca siswazah sahaja kerana pelajar mahasiswa tidak perlu mengikuti program ditawarkan ini.

Jadual 6 :
Penyertaan Sesi Kemahiran Maklumat

	Kekerapan	%
Ya	53	44
Tidak	67	56
Jumlah	120	100

Jadual 7 :
Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap Sesi Kemahiran Maklumat

Bil	Item	Skala							Min
		1	2	3	4	5	6	7	
1.	Kandungan pengajaran Sesi Kemahiran Maklumat amat berguna untuk pencarian bahan perpustakaan	0.0	0.0	0.0	0.2	0.8	2.1	2.0	6.17
		0	0	0	2	8	22	53	
2.	Kandungan pengajaran "Endnote" membantu dalam penulisan rujukan	0.0	0.1	0.0	0.8	0.7	1.3	2.3	5.94
		0	1	0	8	7	14	24	
3.	Fasilitator Sesi Kemahiran Maklumat amat cekap dalam penyampaian mereka	0.0	0.0	0.0	0.3	0.9	1.7	2.2	6.15
		0	0	0	3	9	18	23	

4.	Jadual Sesi Kemahiran Maklumat amat sesuai untuk saya ikuti	0.1	0.1	0.3	0.9	1.0	1.2	1.6	5.46
		1	1	3	9	10	13	17	
Jumlah		5.92							

Jadual 7 menunjukkan penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap Sesi Kemahiran Maklumat yang ditawarkan oleh perpustakaan. Secara keseluruhannya, min bagi setiap item adalah tinggi (>5.5). Ini menunjukkan responden sangat berpuas hati dengan Sesi Kemahiran Maklumat. Keseluruhan skor min bagi kepuasan terhadap Sesi Kemahiran Maklumat adalah 5.92.

2. KAWALAN INFORMASI


2.1. Penilaian kepuasan pengguna terhadap sumber bahan bercetak perpustakaan

Seksyen ini mengukur tahap kepuasan pengguna terhadap sumber bahan bercetak yang disediakan oleh perpustakaan. Dalam seksyen ini, kajian mengutarakan 3 pertanyaan kepada responden berkenaan sumber bahan bercetak perpustakaan. Untuk menjawab persoalan ini, responden diminta untuk menjawab soalan pilihan. Responden perlu menjawab pilihan soalan yang lain sekiranya memilih jawapan selain daripada “tidak pernah” berdasarkan skala likert 7 poin iaitu skala 1 “Sangat tidak bersetuju” sehingga skala 7 “Sangat setuju”.

Jadual 8 :

Kekerapan penggunaan sumber bahan bercetak

	Kekerapan	%
Selalu	54	5
Tidak pernah	467	45
Ada kalanya	221	21
Sering	72	7
Kadang-kadang	235	22
Jumlah	1049	100



Carta 7: Peratus penggunaan sumber bahan bercetak

Dalam jadual 8 dan carta 7 seramai 582 orang (56%) pernah menggunakan atau membuat rujukan sumber bahan bercetak yang disediakan oleh perpustakaan. Dalam kalangan mereka, seramai 54 orang (5%) mengatakan selalu menggunakannya, 221 orang (21%) ada kalanya menggunakan, diikuti dengan 72 orang (7%) sering menggunakannya dan 235 orang (22%) kadang-kadang sahaja membuat rujukan menggunakan sumber bahan bercetak. Manakala seramai 467 orang (45%) tidak pernah menggunakan jenis bahan rujukan ini.

Jadual 9 :

Penilaian terhadap Sumber bahan bercetak perpustakaan

Bil	Item	Skala							Min
		1	2	3	4	5	6	7	
1.	Perpustakaan menyediakan sumber bahan bercetak yang mencukupi untuk keperluan pembelajaran dan penyelidikan	0.2	0.6	3.4	11.1	18.2	14.9	7.6	5.17
		2	6	36	116	191	157	80	
2.	Sumber bahan bercetak untuk keperluan pembelajaran dan penyelidikan adalah terkini	0.3	1.4	4.1	12.4	17.4	14.1	6.1	5.01
		3	15	43	130	183	148	64	
3.	Saya selalu menjumpai buku yang dicari di rak	0.6	2.0	5.5	13.2	15.0	12.3	7.4	4.90
		6	21	58	138	157	129	78	
Jumlah		5.02							

Jadual 9 memaparkan tahap kepuasan pengguna terhadap sumber bahan bercetak yang disediakan oleh perpustakaan. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan responden sangat setuju bahawa "Perpustakaan menyediakan sumber bahan

bercetak yang mencukupi untuk keperluan pembelajaran dan penyelidikan” yang mencatat min 5.17, diikuti dengan “sumber bahan bercetak untuk keperluan pembelajaran dan penyelidikan adalah terkini” dengan catatan min juga 5.17 dan “Saya selalu menjumpai buku yang dicari di rak” yang mencatat min 4.90. Secara keseluruhannya, min bagi setiap item adalah tinggi kecuali bagi item ketiga yang mencatat skor min sederhana. Walau bagaimanapun, ini masih menunjukkan bahawa semua responden bersetuju koleksi sumber bercetak yang disediakan oleh perpustakaan adalah mencukupi untuk pembelajaran dan penyelidikan, koleksinya yang terkini serta mudah dijumpai di rak semasa pencarian buku tersebut dibuat. Keseluruhan skor min bagi kepuasan pengguna terhadap terhadap sumber bahan bercetak yang disediakan oleh perpustakaan adalah 5.02.


2.2. Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap sumber elektronik perpustakaan

Seksyen ini mengukur tahap kepuasan pengguna terhadap sumber elektronik yang disediakan oleh perpustakaan. Dalam seksyen ini, kajian mengutarakan 4 pertanyaan kepada responden berkenaan sumber bahan bercetak perpustakaan. Untuk menjawab persoalan ini, responden diminta untuk menjawab soalan pilihan. Responden perlu menjawab pilihan soalan yang lain sekiranya memilih jawapan selain daripada “tidak pernah” berdasarkan skala likert 7 poin iaitu skala 1 “Sangat tidak bersetuju” sehingga skala 7 “Sangat setuju”.

Jadual 10 :

Kekerapan dan peratus penggunaan koleksi sumber elektronik

	Kekerapan	%
Selalu	75	7
Tidak pernah	351	34
Ada kalanya	207	20
Sering	132	13
Kadang-kadang	284	27
Jumlah	1049	100



Carta 8 : Peratus penggunaan koleksi sumber elektronik

Dalam jadual 10 dan carta 8 seramai 823 orang (79%) pernah menggunakan atau membuat rujukan sumber bahan elektronik yang disediakan oleh perpustakaan. Dalam kalangan mereka, seramai 575 orang (7%) mengatakan selalu menggunakannya, 207 orang (20%) ada kalanya menggunakan, diikuti dengan 132 orang (13%) sering menggunakannya dan 284 orang (27%) kadang-kadang sahaja membuat rujukan menggunakan sumber bahan elektronik. Manakala seramai 351 orang (34%) tidak pernah menggunakan jenis bahan rujukan ini.

Jadual 11 :

Penilaian pengguna terhadap koleksi sumber elektronik

Bil	Item	Skala							Min
		1	2	3	4	5	6	7	
1.	Sumber bahan elektronik mudah diakses di dalam kampus	0.0	0.4	2.0	9.6	19.4	20.4	14.7	5.53
		0	4	21	101	204	214	154	
2.	Sumber bahan elektronik mudah diakses di dalam atau di luar kampus	0.8	1.1	3.3	12.2	18.2	18.8	12.1	5.27
		8	12	35	128	191	197	127	
3.	Perpustakaan menyediakan sumber bahan elektronik yang mencukupi untuk keperluan pembelajaran dan penyelidikan	1.0	1.1	3.3	11.3	18.7	20.0	10.7	5.24
		10	12	35	119	196	210	112	
4.	Sumber bahan elektronik untuk keperluan pembelajaran dan penyelidikan adalah terkini	0.8	1.0	2.7	12.3	19.2	18.9	11.2	5.27
		8	11	28	129	201	198	118	
Jumlah		5.32							

Jadual 11 menunjukkan penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap koleksi sumber elektronik yang disediakan oleh perpustakaan. Secara keseluruhannya, min

bagi setiap item adalah tinggi. Ini menunjukkan responden sangat berpuas hati dengan koleksi sumber elektronik sedia ada. Kajian mendapati responden sangat setuju “Sumber bahan elektronik mudah diakses di dalam kampus” mencatat skor min yang tertinggi yang sama iaitu 5.53, diikuti dengan “Sumber bahan elektronik mudah diakses di dalam atau di luar kampus” dan “Sumber bahan elektronik untuk keperluan pembelajaran dan penyelidikan adalah terkini” yang mencatat min yang sama iaitu 5.27 dan “Perpustakaan menyediakan sumber bahan elektronik yang mencukupi untuk keperluan pembelajaran dan penyelidikan”, iaitu 5.24. Keseluruhan skor min bagi kepuasan pengguna terhadap terhadap sumber bahan elektronik yang disediakan oleh perpustakaan adalah 5.32.

3. PERPUSTAKAAN SEBAGAI TEMPAT


3.1. Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap ruang bacaan di Perpustakaan Utama

Seksyen ini mengukur tahap kepuasan pengguna terhadap ruang bacaan di Perpustakaan Utama. Dalam seksyen ini, kajian mengutarakan 4 pertanyaan kepada responden berkenaan sumber bahan bercetak perpustakaan. Untuk menjawab persoalan ini, responden diminta untuk menjawab soalan pilihan. Responden perlu menjawab pilihan soalan yang lain sekiranya memilih jawapan selain daripada “tidak pernah” berdasarkan skala likert 7 poin iaitu skala 1 “Sangat tidak bersetuju” sehingga skala 7 “Sangat setuju”.

Jadual 12 :

Kekerapan dan peratus penggunaan ruang bacaan di perpustakaan utama

	Kekerapan	%
Selalu	107	10
Tidak pernah	226	22
Ada kalanya	226	22
Sering	158	15
Kadang-kadang	332	31
Jumlah	1049	100



Carta 9 : Peratus penggunaan ruang bacaan di Perpustakaan Utama

Berdasarkan analisis dalam jadual 12 dan carta 9, seramai 591 orang (56%) pernah menggunakan ruang bacaan di Perpustakaan Utama. Dalam kalangan mereka, seramai 107 orang (10%) mengatakan selalu menggunakannya, 226 orang (22%) ada kalanya menggunakan, diikuti dengan 158 orang (15%) sering menggunakannya dan 332 orang (32%) kadang-kadang sahaja menggunakan ruang bacaan. Manakala seramai 226 orang (21%) tidak pernah menggunakan ruang bacaan di Perpustakaan Utama.

Jadual 13 :

Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap ruang bacaan di Perpustakaan Utama

Bil	Item	Skala							Min
		1	2	3	4	5	6	7	
1.	Perpustakaan mempunyai tempat duduk dan ruang bacaan yang mencukupi untuk saya mentelaah secara bersendirian	1.1	3.3	5.4	12.1	18.0	21.8	16.5	5.22
		12	35	57	127	189	229	173	
2.	Perpustakaan mempunyai tempat duduk dan ruang bacaan yang mencukupi untuk saya mentelaah secara berkumpulan	1.0	3.9	7.8	13.7	18.8	18.3	14.8	5.03
		11	41	82	144	197	192	155	
3.	Perabot di ruang bacaan adalah selesa	0.2	0.8	2.0	8.9	19.5	25.9	21.0	5.66
		2	8	21	93	205	272	220	
4.	Persekitaran ruang bacaan adalah selesa	0.2	0.7	2.0	9.2	20.4	25.4	20.4	5.64
		2	7	21	96	214	266	214	
Jumlah		5.38							

Jadual 13 memaparkan tahap kepuasan pengguna terhadap ruang bacaan di Perpustakaan Utama. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan responden sangat setuju bahawa “Perabot di ruang bacaan adalah selesa” yang mencatat min tertinggi 5.66, diikuti dengan “Persekitaran ruang bacaan adalah selesa” mencatat min 5.64, “Perpustakaan mempunyai tempat duduk dan ruang bacaan yang mencukupi untuk saya mentelaah secara bersendirian” dengan catatan min 5.22 dan “Perpustakaan mempunyai tempat duduk dan ruang bacaan yang mencukupi untuk saya mentelaah secara berkumpulan” yang mencatat min 5.03. Ini menunjukkan bahawa pengguna bersetuju bahawa ruang bacaan yang disediakan oleh perpustakaan sesuai untuk pelbagai aktiviti pembelajaran dan persekitarannya juga selesa. Keseluruhan skor min bagi kepuasan pengguna terhadap ruang bacaan di Perpustakaan Utama adalah 5.38.


3.2. Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap ruang bacaan di Perpustakaan Khusus

Seksyen ini mengukur tahap kepuasan pengguna terhadap ruang bacaan di Perpustakaan Khusus. Dalam seksyen ini, kajian mengutarakan 4 pertanyaan kepada responden berkenaan sumber bahan bercetak perpustakaan. Untuk menjawab persoalan ini, responden diminta untuk menjawab soalan pilihan. Responden perlu menjawab pilihan soalan yang lain sekiranya memilih jawapan selain daripada “tidak pernah” berdasarkan skala likert 7 poin iaitu skala 1 “Sangat tidak bersetuju” sehingga skala 7 “Sangat setuju”.

Jadual 14 :

Kekerapan dan peratus penggunaan ruang bacaan di perpustakaan khusus

	Kekerapan	%
Selalu	62	6
Tidak pernah	442	42
Ada kalanya	205	20
Sering	112	11
Kadang-kadang	228	22
Jumlah	1049	100



Carta 10 : Peratus penggunaan ruang bacaan di Perpustakaan Khusus

Berdasarkan analisis dalam jadual 13 dan carta 10, hanya seramai 6 orang (0.6%) selalu menggunakan ruang bacaan di Perpustakaan Khusus". Majoriti pengguna iaitu seramai 442 orang (42%) tidak pernah menggunakan ruang bacaan di Perpustakaan Khusus. Manakala seramai 112 orang (11%) sering menggunakannya, seramai 228 orang (22%) hanya kadang-kadang menggunakannya dan seramai 295 orang (20%) ada kalanya menggunakan ruang bacaan tersebut.

Jadual 15 :


Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap ruang bacaan di perpustakaan khusus

Bil	Item	Skala							Min
		1	2	3	4	5	6	7	
1.	Perpustakaan mempunyai tempat duduk dan ruang bacaan yang mencukupi untuk saya mentelaah secara bersendirian	1	2	3	4	5	6	7	5.17
		1.2	2.3	3.7	9.0	14.4	16.3	11.0	
2.	Perpustakaan mempunyai tempat duduk dan ruang bacaan yang mencukupi untuk saya mentelaah secara berkumpulan	13	24	39	94	151	171	115	5.06
		1.3	1.9	5.3	10.3	13.9	14.6	10.5	
3.	Perabot di ruang bacaan adalah selesa	14	20	56	108	146	153	110	5.52
		0.4	1.0	2.0	7.1	15.4	18.6	13.4	
4.	Persekitaran ruang bacaan adalah selesa	4	10	21	74	162	195	141	5.51
		0.5	1.0	1.9	6.7	15.8	19.2	12.9	
Jumlah		5.31							

Jadual 14 menunjukkan penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap ruang bacaan di Perpustakaan khusus. Secara keseluruhannya, min bagi setiap item adalah tinggi. Ini menunjukkan responden sangat berpuas hati dengan koleksi sumber elektronik sedia ada. Kajian mendapati responden sangat setuju “Perabot di ruang bacaan adalah selesa” mencatat skor min yang tertinggi yang sama iaitu 5.52, diikuti dengan “Perabot di ruang bacaan adalah selesa dengan catatan min 5.52 , “Perpustakaan mempunyai tempat duduk dan ruang bacaan yang mencukupi untuk saya mentelaah secara bersendirian” mencatat min 5.17 dan “Perpustakaan mempunyai tempat duduk dan ruang bacaan yang mencukupi untuk saya mentelaah secara berkumpulan” iaitu 50.6. Keseluruhan skor min bagi kepuasan pengguna terhadap ruang bacaan di Perpustakaan Khusus adalah 5.31.


4. KESEDARAN TENTANG MAKLUMAN TERKINI PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Seksyen ini mengenalpasti kesedaran pengguna terhadap makluman terkini perkhidmatan perpustakaan. Responden dikehendaki menjawab soalan pilihan “ya” atau “Tidak”.




Carta 11 : Kesedaran mengenai tempoh pinjaman buku telah dilanjutkan

Carta 11 menunjukkan sebanyak 67% daripada pengguna menyedari bahawa tempoh pinjaman buku telah dilanjutkan manakala 33% tidak menyedarinya.




Carta 13 : Penambahan jumlah pinjaman buku

Carta 13 menunjukkan sebanyak 32% daripada pengguna menyedari tentang penambahan jumlah pinjaman buku, manakala 68% tidak menyedarinya.



Carta 14 : Ketersediaan penerbitan penyelidikan UM terdapat di dalam UM Research Repository

Carta 14 menunjukkan sebanyak 44% daripada pengguna menyedari ketersediaan penerbitan penyelidikan UM terdapat di dalam UM Research Repository, manakala 56% tidak menyedarinya.



Carta 15 : Ketersediaan tesis & disertasi elektronik UM terdapat di dalam UM Students Repository

Carta 15 menunjukkan sebanyak 44% daripada pengguna menyedari ketersediaan tesis & disertasi elektronik UM terdapat di dalam UM Students Repository, manakala 56% tidak menyedarinya.

5. CADANGAN DAN KOMEN TERBUKA

Sebanyak 302 cadangan dan komen terbuka telah diberikan. Walaubagaimanapun hanya sebanyak 233 cadangan/komen yang memerlukan perhatian (lihat jadual 16- jadual 20)

Jadual 21 :

Komen dan cadangan terbuka mengikut kategori

Kategori	N	%
Kemudahan Perpustakaan	145	62%
Perkhidmatan Perpustakaan	36	15%
Koleksi Perpustakaan	34	15%
Komunikasi dengan pengguna	12	5%
Staf Perpustakaan	6	3%
	233	100%

Taburan komen dan cadangan terbuka mengikut kategori ditunjukkan dalam jadual 21.

PERBINCANGAN

6. KESAN PERKHIDMATAN

6.1. Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap staf perpustakaan

Persoalan kajian yang pertama adalah mengenalpasti tahap kepuasan pengguna terhadap staf perpustakaan. Hasil kajian mendapati sebilangan besar pengguna bersetuju bahawa staf perpustakaan sentiasa sedia memberi bantuan dan peramah. Staf juga mudah didekati dan amat berpengetahuan dalam menjawab pertanyaan. Ini menunjukkan staf perpustakaan Universiti Malaya berjaya mempamerkan sikap yang cemerlang dan sentiasa memberikan layanan yang berhemah dan professional serta sentiasa sedia memberi tunjuk ajar kepada pengguna.

Staf perpustakaan adalah orang paling hadapan dan bertanggungjawab terhadap perkhidmatan perpustakaan. Sebagai pengguna pula, mereka mempunyai pelbagai jangkaan terhadap tahap perkhidmatan yang diinginkan. Jadi seharusnya, staf perpustakaan menumpukan perhatian sentiasa memenuhi jangkaan pengguna serta memberikan layanan secara profesionalisme dan berhemah kepada mereka. Jika jangkaan mereka dapat dipenuhi maka secara tidak langsung mereka akan berpuas hati dengan perkhidmatan perpustakaan.

6.2. Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan “live-chat”

Persoalan kajian yang kedua pula mengenalpasti tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan “live-chat”. Perpustakaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaian perpustakaan dengan menyediakan perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan ini memudahkan interaksi antara perpustakaan dan pengguna. Mereka boleh mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan menjimatkan masa tanpa perlu mengunjungi perpustakaan. Namun sebaliknya, didapati 77% daripada pengguna tidak pernah menggunakan perkhidmatan “live-chat”. Ini bermaksud, dalam usaha untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan ini, perpustakaan perlu giat mempromosinya. Perpustakaan boleh menggunakan pelbagai cara untuk mempromosi perkhidmatan tersebut seperti menggunakan platform sosial media

“facebook”, “twitter”, “instagram”. Walau bagaimanapun, majoriti pengguna yang menggunakan perkhidmatan ini berpuas hati. Mereka bersetuju bahawa Pustakawan yang mengendalikan “live-chat” ini cekap dalam menyelesaikan masalah, serta berpengetahuan dan menjawab pertanyaan dengan segera. Ini menunjukkan, Pustakawan mahir dan cekap dalam melaksanakan aplikasi ini sejajar dengan era teknologi maklumat masa kini.

6.3. Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap program latihan pengguna Sesi Kemahiran Maklumat

Persoalan kajian yang ketiga mengenalpasti tahap kepuasan pengguna terhadap program latihan pengguna Sesi Kemahiran Maklumat. Secara keseluruhannya, pengguna berpuashati kepada program ini. Kandungan bahan pengajaran yang memenuhi keperluan pembelajaran dan penyelidikan serta fasilitator yang mahir memberikan impak yang sangat diharapkan oleh pengguna. Program latihan pengguna Sesi Kemahiran Maklumat yang dianjurkan merupakan suatu kemahiran yang akan sentiasa digunakan oleh pengguna untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan disepanjang pengajian mereka. Ini merangkumi kebolehan mencari dan memperolehi maklumat dalam apa jua format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif bagi membantu membuat pemilihan dan penyelesaian masalah secara efektif samaada di dalam pembelajaran dan penyelidikan yang dijalankan. Oleh itu, isi kandungan program serta fasilitator yang berdedikasi secara tidak langsung akan memberi tahap kepuasan yang tinggi kepada pengguna. Ini kerana mereka mengharapkan agar program tersebut dapat memberi impak yang besar kepada pembelajaran dan penyelidikan mereka. Hanya sebilangan kecil yang tidak berpuashati dengan Sesi Kemahiran Maklumat yang dianjurkan oleh Perpustakaan samada dari aspek kandungan pengajaran atau fasilitator program berkenaan.

7. KAWALAN INFORMASI

7.1. Penilaian kepuasan pengguna terhadap sumber bahan bercetak Perpustakaan

Persoalan kajian yang keempat mengenalpasti tahap kepuasan pengguna terhadap sumber bahan bercetak. Analisa bahagian ini diandaikan sebagai pengguna berpuashati dengan koleksi bahan bercetak yang disediakan oleh perpustakaan. Ini menunjukkan bahawa koleksi bahan bercetak yang disediakan oleh perpustakaan UM merupakan koleksi terkini serta mencukupi untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan. Sebagai perpustakaan akademik, menyediakan sumber rujukan sebagai bahan maklumat kepada pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan kepada pengguna adalah perkara yang utama bagi membantu golongan pelajar, staf akademik atau penyelidik mencapai kejayaan dalam pembelajaran, pengajaran atau penyelidikan mereka. Oleh itu, kualiti dan kuantiti bahan adalah penting bagi memenuhi peredaran zaman dan kehendak pengguna yang sentiasa berubah-ubah.

Selain itu, pengguna juga berpuas hati dengan cara susunan bahan di rak buku. Ini menunjukkan bahawa susun atur buku yang teratur dan kemas serta memudahkan pengguna untuk mencari bahan tersebut di rak buku boleh memberi tahap kepuasan kepada pengguna dan menarik perhatian mereka untuk mengunjungi perpustakaan. Oleh itu, bahan-bahan rujukan di perpustakaan mestilah sentiasa mencukupi dan terkini, disusun dengan elok, dan senang dicari.

7.2. Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap sumber elektronik perpustakaan

Persoalan kajian yang kelima pula mengenalpasti tahap kepuasan pengguna terhadap sumber bahan elektronik. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya pengguna berpuashati dengan sumber elektronik yang dilanggan oleh perpustakaan. Pengguna bersetuju bahawa sumber bahan elektronik yang dilanggan oleh perpustakaan adalah terkini dan mencukupi untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran. Pengguna juga turut berpuashati bahawa bahan ini boleh diakses dengan mudah samaada dari dalam atau luar kampus. Ini menunjukkan bahawa sumber elektronik yang boleh didapati dan diakses dengan mudah serta dapat memenuhi keperluan pembelajaran dan penyelidikan dapat memberikan kepuasan kepada pengguna. Koleksi sumber elektronik yang terkini dan mencukupi diharap dapat membantu pengguna dalam pembelajaran, pengajaran dan membuat penyelidikan.

Seperti sumber bahan bercetak, sumber elektronik juga perlu memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai dan sentiasa berubah-ubah mengikut perkembangan semasa dan peredaran zaman.

8. PERPUSTAKAAN SEBAGAI TEMPAT

8.1. Penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap ruang bacaan di Perpustakaan Utama/Khusus

Soalan kajian yang seterusnya mengenalpasti tahap kepuasan pengguna terhadap terhadap ruang bacaan di Perpustakaan Utama dan khusus. Dapatan kajian bagi persoalan ini adalah responden bersetuju bahawa perabot yang disediakan di ruang bacaan yang terletak perpustakaan utama dan khusus adalah selesa. Kebanyakan pengguna juga berpuashati dengan persekitaran ruang bacaan yang kondusif. Pengguna juga turut bersetuju bahawa perpustakaan menyediakan ruang tempat duduk dan belajar yang mencukupi untuk pembelajaran secara individu dan juga berkumpul. Ini menunjukkan bahawa ruang bacaan yang kondusif dan selesa, adalah antara faktor yang sentiasa diberi perhatian oleh perpustakaan bagi menggalakkan pengguna mengunjungi perpustakaan.

Oleh itu, persekitaran yang kondusif dan selesa juga penting untuk menarik lebih ramai pengguna mengunjungi perpustakaan. Ruang belajar dan tempat duduk yang selesa serta peralatan dan infrastruktur yang teratur, kemas dan bersih adalah penting untuk diberi perhatian oleh pengurusan perpustakaan. Suasana ruang belajar yang selesa bukan sahaja akan menggalakkan pembelajaran tetapi dapat merangsang pelajar untuk belajar dan lebih mudah memahami cara pembelajaran. Suasana atau ruang belajar yang tidak selesa mungkin boleh menjejaskan emosi pelajar dan tumpuan mereka untuk belajar di perpustakaan.

9. KESEDARAN TENTANG MAKLUMAN TERKINI PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Persoalan kajian yang ke lapan mengenalpasti kesedaran pengguna tentang makluman terkini perkhidmatan perpustakaan. Dapatan kajian bagi persoalan ini mendapati 67% daripada pengguna menyedari bahawa tempoh pinjaman buku telah dilanjutkan. Manakala majoriti daripada pengguna tidak menyedari penambahan

jumlah pinjaman buku, dan ketersediaan penerbitan penyelidikan UM di dalam UM Research Repository serta ketersediaan tesis & disertasi elektronik UM di dalam UM Students Repository. Ini menunjukkan bahawa perpustakaan perlu menambah promosi samada dengan cara tradisional seperti poster dan risalah serta menggunakan platform sosial media yang sedia ada. Kedua-dua strategi ini mampu meningkatkan kesedaran pengguna terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan.

10. KOMEN/CADANGAN TERBUKA

Persoalan kajian yang terakhir merupakan komen atau cadangan yang boleh diberikan oleh responden. Sebanyak 302 cadangan dan komen terbuka diberikan. Setiap cadangan dan komen dianalisa dan diberi kategori yang bersesuaian dengan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan UM. Kemudahan perpustakaan menerima komen/cadangan tertinggi sebanyak 62%. Penambahan “plug point” yang sedia ada dan meningkatkan kelajuan Internet menerima komen dan cadangan yang paling tinggi, diikuti dengan dengan kemudahan untuk pembelajaran seperti penambahan tempat duduk dan ruang belajar untuk aktiviti secara individu dan juga berkumpul dan juga capaian Internet/WIFI yang perlahan.

Perkhidmatan perpustakaan dan Koleksi perpustakaan menerima peratusan komen dan cadangan yang sama iaitu 15%. Antara cadangan yang paling banyak diterima untuk perkhidmatan perpustakaan adalah melanjutkan waktu pembukaan perpustakaan. Manakala, untuk koleksi perpustakaan, kebanyakan komen/cadangan adalah seperti buku yang tidak terkini dan terhad terutama dalam bidang penyelidikan, undang-undang, Bahasa, perubatan dan perbankan Islam. Selain itu, ada di kalangan responden memberi komen berkenaan pangkalan data dalam talian yang disediakan oleh perpustakaan seperti perpustakaan perlu menambah bilangan pangkalan data yang boleh diakses dari luar kampus dan menambah bilangan langganan pangkalan data atas talian yang sedia ada.

Komunikasi dengan pengguna dan staf perpustakaan menerima komen/cadangan sebanyak 5% dan 3%. Komunikasi dengan pengguna adalah cara atau pendekatan

perpustakaan dalam memberi maklumat kepada pengguna tentang maklumat terkini berkaitan perkhidmatan, kemudahan atau koleksi perpustakaan. Pengguna menyarankan supaya perpustakaan sentiasa memaklumkan sebarang perubahan yang berlaku kepada mereka. Manakala, kebanyakan komen/cadangan yang diterima berkaitan staf adalah seperti cara staf berinteraksi dengan pengguna dan staf kurang mahir berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.

Boleh disimpulkan di sini, perpustakaan perlu mengambil perhatian terhadap kemudahan yang disediakan kerana ia menerima paling banyak komen/cadangan. Walaubagaimanapun, kategori yang lain juga perlu diberi perhatian dan diberi ruang untuk penambahbaikan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, keputusan kajian adalah amat menggalakkan, di mana pengguna secara menyeluruh adalah berpuas hati dengan tiga aspek utama iaitu Kesan perkhidmatan, Kawalan informasi dan Perpustakaan sebagai tempat.

Bagi aspek yang pertama iaitu Kesan Perkhidmatan, tahap kepuasan pengguna terhadap prestasi perkhidmatan dinilai dari aspek interaksi staf dan pengguna perpustakaan, perkhidmatan "live-chat" dan juga program latihan pengguna Sesi Kemahiran Maklumat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengguna bersetuju dan berpuashati dengan layanan yang diberikan oleh staf perpustakaan. Staf melayan pengguna dengan berhemah dan sopan. Ini bermaksud, staf perpustakaan menjalankan tugas dengan penuh profesionalisme. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pengguna berpuas hati dengan perkhidmatan "live-chat" yang disediakan oleh perpustakaan. Pustakawan yang mengendalikan perkhidmatan tersebut dilihat sebagai cekap dan pantas. Selain itu, pengguna turut bersetuju bahawa Sesi Kemahiran Maklumat membantu mereka dalam membuat rujukan dan pencarian bahan. Fasilitator program tersebut juga dianggap berpengetahuan dalam penyampaian program tersebut.

Bagi aspek yang kedua iaitu Kawalan Informasi, kajian ini mengutarakan dua soalan kajian yang mengenalpasti tahap kepuasan pengguna terhadap sumber bahan bercetak dan sumber elektronik. Dapatan kajian mendapati majoriti daripada pengguna membuat rujukan menggunakan sumber bahan bercetak dan elektronik yang disediakan oleh perpustakaan. Sebilangan besar daripada mereka berpuashati bahawa sumber bahan bercetak dan sumber elektronik yang disediakan oleh perpustakaan adalah memenuhi jangkaan mereka. Kebanyakan daripada mereka bersetuju bahawa sumber bercetak dan elektronik yang disediakan oleh perpustakaan adalah mencukupi dan terkini untuk tujuan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Majoriti daripada pengguna juga berpuashati dengan akses kepada sumber elektronik samada dari dalam atau luar kampus.

Seterusnya bagi aspek yang terakhir iaitu Perpustakaan sebagai tempat, dua soalan kajian diutarakan kepada responden iaitu penilaian tahap kepuasan pengguna terhadap ruang bacaan di perpustakaan utama dan perpustakaan khusus. Hasil kajian menunjukkan sebilangan besar daripada pengguna mengunjungi perpustakaan utama dan juga khusus untuk memanfaatkan ruang bacaan yang disediakan kepada mereka. Kebanyakan daripada mereka juga berpuashati dengan persekitaran, susun atur dan juga perabot yang disediakan di ruang bacaan tersebut.

Hasil kajian juga mendapati sebilangan besar daripada pengguna menyedari berkenaan pemakluman lanjutan tempoh pinjaman buku. Namun begitu kebanyakan daripada mereka tidak menyedari berkenaan tambahan bilangan buku untuk pinjaman, ketersediaan penerbitan penyelidikan UM terdapat di dalam UM Research Repository dan juga Ketersediaan tesis & disertasi elektronik UM terdapat di dalam UM Students Repository.

